

03 MAY 1998

Mahathir-Indonesia

MALAYSIA BERI PINJAMAN KEWANGAN KEPADA INDONESIA

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Malaysia akan memberikan pinjaman kewangan kepada Indonesia sementara menunggu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyalurkan baki daripada pakej bantuan berjumlah AS\$43 bilion kepada negara itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata jumlah itu adalah tambahan kepada AS\$1 bilion yang diberikan Malaysia kepada Indonesia tahun lepas.

"Indonesia memerlukan bantuan kerana IMF lambat dalam menyalurkan baki daripada pakej bantuan berjumlah AS\$43 bilion kepada Indonesia," katanya kepada Bernama selepas menerima kunjungan Menteri Koordinasi bagi Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia Prof Dr Ginandjar Kartasasmita di Sri Perdana, di sini.

"Ini adalah bantuan sementara...untuk menyambung tempoh itu (bantuan kewangan IMF kepada Indonesia) dan selepas menerima bantuan IMF, Indonesia akan memulangkan pinjaman itu kepada kita," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyebut jumlah pinjaman itu.

"Jepun telah memberi bantuan kewangan kepada Indonesia dan memandangkan ada kekurangan, Indonesia telah meminta bantuan kita. Malaysia tidak dapat memenuhi keseluruhan permintaan itu tetapi hanya sebahagian daripadanya," katanya.

Sementara itu, Ginandjar berkata beliau dihantar oleh Presiden Suharto untuk menemui Dr Mahathir bagi memaklumkan mengenai perkembangan di Indonesia dan reformasi yang diambil oleh kerajaan.

Beliau juga melahirkan rasa terima kasih Indonesia kepada kerajaan Malaysia kerana sokongan dan bantuannya untuk membantu meringankan masalah ekonomi Indonesia.

Beliau berkata semasa pertemuannya dengan Dr Mahathir, masalah jerebu juga dibincangkan dan ini termasuk pelan kontingensi untuk menangani masalah itu, termasuk semasa Sukan Komanwel di sini pada 11 Sept hingga 21 Sept.

Mengenai masalah jerebu, Dr Mahathir berkata menteri Indonesia yang bertanggungjawab bagi alam sekitar akan datang ke sini untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan rakan sejawatannya dari Malaysia.

-- BERNAMA

ARA HS AKD